

Ketegasan DBKL martabat bahasa Kebangsaan dipuji

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memuji ketegasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak menurunkan papan tanda bahasa lain di sekitar ibu kota baru-baru ini.

Beliau berkata, langkah ini sewajarnya dijadikan contoh oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara dalam memartabatkan bahasa Kebangsaan.

"Sudah sampai masa seluruh PBT menggunakan bahasa Melayu dengan menguatkuasakan undang-undang yang dimiliki dan tidak lagi bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang meremehkannya.

"Ia selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan," katanya.

Menurut Ismail Sabri lagi, penggunaan Bahasa Melayu pada papan tanda juga tidak menjejaskan sama sekali kemasukan pelancong.

"Sebagai contoh, negara jiran Thailand menggunakan bahasa Thai di semua papan tandanya tetapi pelancong tetap ramai berkunjung ke negara tersebut," katanya.



ISMAIL SABRI